



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

**IKLAN PENGAMBILAN CALON GURU BAGI
PROGRAM DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN (PDPP)
BAHASA JERMAN DAN BAHASA KOREA
DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU AMBILAN OKTOBER 2022**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa calon yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk memohon Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) bahasa Jerman dan bahasa Korea di Institut Pendidikan Guruambilan Oktober 2022.

1. KETERANGAN PROGRAM

Pengambilan calon guru bagi mengikuti Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) sepenuh masaambilan Oktober 2022

- | | | | |
|-----|--|---|--------------------------------------|
| 1.1 | Mod Program | : | Sepenuh Masa |
| 1.2 | Pelaksanaan | : | Perdana |
| 1.3 | Tempoh Pengajian | : | Satu (1) tahun / tiga (3) semester |
| 1.4 | Tempat Pengajian | : | IPG Kampus Bahasa Antarabangsa |
| 1.5 | Bidang Pengkhususan
yang ditawarkan | : | i. Bahasa Jerman
ii. Bahasa Korea |

2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN ASAS

Calon-calon hendaklah:

- 2.1 Warganegara Malaysia;
- 2.2 Sihat tubuh badan;
- 2.3 Aktif dalam kegiatan kokurikulum; dan
- 2.4 Umur tidak melebihi 35 tahun pada 30 September 2022 iaitu lahir pada **atau** selepas 30 September 1987.

3. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

3.1 Memiliki kelulusan akademik sekurang-kurangnya:

3.1.1 Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Awam (UA) atau Institusi Luar Negara dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia (mempunyai surat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)) Kementerian Pendidikan Malaysia yang boleh dimuat turun daripada laman web di alamat:

- i) <http://www2.mqa.gov.my/mqr/> , dan
- ii) <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/>

3.1.2 Mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)/ *Cumulative Grade Point Average (CGPA)* 2.50 ke atas;

3.1.3 Memiliki **kepujian** dalam mata pelajaran **bahasa Melayu**, di **peringkat SPM/SPM (V)**; dan

3.1.4 Memenuhi syarat bidang pengkhususan.

4. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BIDANG PENGKHUSUSAN

4.1 Bahasa Jerman

4.1.1 Memiliki tahap kecekapan minimum bahasa Jerman B2 atau TDN 3 dalam *Test Deutsch als Fremdsprache (TestDaF)*.

4.1.2 Keutamaan kepada pelajar yang bergraduasi dalam sebarang bidang dari universiti di negara Jerman / UA yang diiktiraf oleh *Malaysian Qualification Agency (MQA)*.

4.2 Bahasa Korea

4.2.1 Memiliki tahap kecekapan bahasa Korea dalam *Test of Proficiency in Korean (TOPIK 3)*.

4.2.2 Keutamaan kepada pelajar yang bergraduasi dalam sebarang bidang dari universiti di negara Korea / UA yang diiktiraf oleh *Malaysian Qualification Agency (MQA)*.

5. CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

- 5.1 Calon yang sedang mengikuti program ikhtisas di mana-mana institusi pengajian tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- 5.2 Calon yang masih terikat dengan kontrak perkhidmatan agensi kerajaan negeri atau mana-mana pihak dan tidak mendapat pelepasan daripada pihak tersebut.
- 5.3 Calon yang pernah mengikuti program ikhtisas di IPG KPM dan gagal dalam peperiksaan atau ditamatkan daripada program pengajian.
- 5.4 Calon yang diisytiharkan muflis.
- 5.5 Calon yang pernah meletak jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan bagi skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41.
- 5.6 Calon yang diberhentikan dari perkhidmatan Kerajaan kerana tindakan tatatertib atau disabitkan dengan kesalahan jenayah/penyalahgunaan dadah/ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

6. CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- 6.1 Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian dengan melayari pautan <https://mypdpp.moe.gov.my/ba> mulai **19 April 2022** hingga **28 April 2022**.
- 6.2 Calon yang didapati memberi maklumat palsu/tidak benar/manipulasi maklumat dalam borang permohonan, Kerajaan Malaysia boleh menarik balik surat tawaran dan boleh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 193 (Akta 574) Kanun Keseksaan.

7. MAKLUMAT DAN PERHATIAN

- 7.1 Pemohon yang memenuhi syarat perlu menduduki e-UKCG. Hanya calon yang lulus e-UKCG perlu menyediakan rakaman Video Kecergasan Fizikal (VKF) dan hadir temu duga secara dalam talian.
- 7.2 Maklumat berkaitan status permohonan yang berjaya menduduki e-UKCG boleh disemak menerusi <https://mypdpp.moe.gov.m/ba>
- 7.3 Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian hendaklah bersetuju dan patuh dengan terma-terma dalam **surat tawaran** dan **Perjanjian Pendidikan Guru KPM Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) (PPG/PDPP-2020)** serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- 7.4 Pemohon perlu menyemak dan akur dengan tarikh-tarikh penting Pengambilan Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) bahasa Jerman dan bahasa Korea Ambilan Oktober 2022, walau bagaimanapun KPM berhak meminda sebarang aktiviti dan tarikh mengikut keperluan semasa.

8. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

28 April 2022

9. SEBARANG PERTANYAAN

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 1 - 3, BLOK 2250, JALAN USAHAWAN 1
63000 CYBERJAYA, SELANGOR
(u.p: Jabatan Pengambilan dan Penempatan (JPP), Pusat Hal Ehwal Pelajar)

No. Telefon : 03-8312 6720/ 6693/ 6731/ 6768/ 6719/ 6760

Emel : jpp@ipgm.edu.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

**TARIKH-TARIKH PENTING PENGAMBILAN
PROGRAM DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN (PDPP)
BAHASA JEPUN, BAHASA JERMAN DAN BAHASA KOREA
DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU AMBILAN OKTOBER 2022**

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Iklan Permohonan di laman sesawang https://mypdpp.moe.gov.my/ba	18 April 2022
2.	Permohonan secara dalam talian dibuka.	19 April 2022
3.	Permohonan secara dalam talian ditutup.	28 April 2022
4.	Pelaksanaan (e-UKCG)	10 Mei 2022
5.	Semakan calon layak temu duga dan menghantar rakaman Video Kecergasan Fizikal (VKF)	17 - 21 Mei 2022
6.	Pelaksanaan temu duga secara dalam talian	24 - 27 Mei 2022
7.	Semakan permohonan calon berjaya tawar	25 Julai 2022
8.	Pendaftaran Pelajar Baharu	3 Oktober 2022

* Tarikh dan aktiviti tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

**TARIKH PENTING AKTIVITI PENGAMBILAN CALON GURU
PROGRAM DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN (PDPP)
BAHASA KOREA DAN BAHASA JERMAN
DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU AMBILAN OKTOBER 2022**

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Iklan Permohonan di laman sesawang https://mypdpp.moe.gov.my	18 April 2022
2.	Permohonan secara dalam talian dibuka.	19 April 2022
3.	Permohonan secara dalam talian ditutup.	28 April 2022
5.	Pelaksanaan (e-UKCG)	10 Mei 2022
6.	Semakan calon layak temu duga dan menghantar rakaman Video Kecergasan Fizikal (VKF)	17 - 21 Mei 2022
7.	Mesyuarat urus setia temu duga	13 Mei 2022
8.	Mesyuarat fasilitator temu duga	17 & 19 Mei 2022
9.	Pelaksanaan temu duga secara dalam talian dan penilaian VKF	24- 27 Mei 2022
10.	Mesyuarat Pemilihan	30 – 31 Mei 2022
11.	Mesyuarat MJKP	15 Julai 2022
12.	Semakan permohonan calon berjaya tawar	25 Julai 2022
13.	Pendaftaran Pelajar Baharu	3 Oktober 2022

* Tarikh dan aktiviti tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa